



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh :

31hb. Ogos 2019

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”

Pengerusi / Setiausaha / AJKKD
Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN KADAR BARU KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

LATARBELAKANG DAN TUJUAN

2. Dalam memastikan bahawa KPDRM terus kekal bersaing dengan institusi kewangan yang lain dalam memberikan produk pembiayaan, KPDRM telah bersetuju untuk mengkaji semula kadar keuntungan pembiayaan semasa supaya lebih kompetitif disamping itu matlamat KPDRM dalam menjaga kepentingan setiap anggotanya terus terlaksana. Ianya juga bertujuan sebagai tanda penghargaan kepada para anggota PDRM yang menganggotai KPDRM.

KETETAPAN

3. Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 08hb Ogos 2019 telah mengambil ketetapan dan seterusnya menawarkan kepada para anggotanya kadar keuntungan pembiayaan yang baru serta kompetitif yang akan berkuatkuasa bermula dari **01hb September 2019**.

4. Kadar keuntungan pembiayaan yang telah dipersetujui adalah sebagaimana jadual yang berikut:-

| JENIS PEMBIAYAAN | KADAR KEUNTUNGAN |
|---------------------------|------------------|
| Pembiayaan Atas Yuran | 3.99% |
| Pembiayaan Tanpa Penjamin | 4.50% |
| Pembiayaan Konsumer | 5.50% |
| Pembiayaan Ekspres | 4.95% |
| Pembiayaan ASBi-KOP | 4.99% |
| Pembiayaan Berpenjamin | 4.50% |

TERMA DAN SYARAT

5. Kadar keuntungan pembiayaan yang baru sepertimana jadual yang di atas hanyalah terhad kepada perubahan kadar keuntungan pembiayaan sahaja tanpa melibatkan sebarang perubahan dasar dan Aturan Pembiayaan setiap satu jenis pembiayaan. Manakala bagi Pembiayaan Atas Yuran adalah terhad sehingga peruntukan sebanyak **RM 5 juta** (Ringgit Malaysia Lima Juta) sahaja tanpa tempoh tertentu dan sebarang penambahan peruntukan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

6. Maklumat lanjut berkenaan dengan Aturan serta Lembaran Penzahiran Produk bagi setiap jenis pembiayaan KPDRM boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang KPDRM (www.kpd.com.my).

PENUTUP

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar


DATO' HJ. ROSLI BIN DIN
SETIAUSAHA